



Penduduk Kampung Perigi Aceh **masih menggunakan jambatan konkrit yang runtuh** untuk aktiviti harian.

[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]

Jambatan baharu lebih kukuh bakal dibina

Pasir Gudang: Kerajaan negeri akan meneliti cadangan pembinaan sebuah jambatan baharu bagi menggantikan jambatan trafik sederhana (MTB) di Kampung Perigi Aceh di sini, yang runtuh, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor, Datuk Hasni Mohammad, berkata Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor dan Pejabat Kemajuan Negeri sedang meneliti bagi membina jambatan yang lebih kukuh.

Katanya, agensi berkenaan menganggarkan kos membina jambatan baharu itu di antara RM5 juta hingga RM6 juta.

“Saya akan mengemukakan syor itu kepada Menteri Besar (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin) bagi membolehkan satu jambatan yang mampu menampung keperluan penduduk dapat dibina.

Penduduk semakin bertambah

“MTB yang dibina Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) tidak lagi sesuai digunakan jika dilihat aktiviti di kampung ini yang semakin membangun dan mempunyai penduduk yang semakin bertambah.

“Keperluan jambatan yang lebih kukuh dilihat lebih mendesak pada masa kini dan jambatan baharu akan mula diusahakan bagi mendapatkan peruntukan serta kelulusan dalam tempoh terdekat ini,” katanya selepas melawat jambatan yang runtuh itu, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tiram, Datuk Maulizan Bujang.

Hasni berkata, sebagai langkah awal, kerja membaik pulih jambatan menggunakan struktur keluli besi bermula malam kelmarin.

“Jambatan sementara menggunakan struktur keluli besi ini akan cuba disiapkan selewat-lewatnya esok (hari ini),” katanya.